

09/05/2002

Malaysia terima Taufik kena hukum gantung

PUTRAJAYA, Rabu - Malaysia tidak akan campur tangan dalam urusan perundangan Indonesia berhubung keputusan mahkamah di Jakarta menjatuhkan hukuman mati terhadap rakyat negara ini, Taufik Abdul Halim.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, hukuman yang diterima Taufik kerana didapati bersalah cuba meletupkan sebuah bas mini di kompleks beli-belah di Jakarta tahun lalu, harus diterima.

"Kita tak boleh kacau dengan orang lain (undang-undang Indonesia). Kalau kita jatuh hukuman mati kepada orang asing, kita tak suka orang asing suruh kerajaan mereka desak kita supaya jangan jatuhkan hukum mati.

"Jadi bila terjadi kepada rakyat kita, kita kena terima. Sebab itu, rakyat kita kena berjaga-jaga. Jangan pergi buat (kacau), pecah undang-undang negara lain.

"Dia tertakluk kepada undang-undang negara itu, semacam juga kalau orang Indonesia datang sini, kalau dia bunuh orang, dia kena hukum bunuh," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan jamuan tengah hari bagi meraikan lawatan rakan sejawatannya dari Lubnan Rafic Hariri di Seri Perdana di sini, hari ini.

Semalam, Mahkamah Daerah Jakarta Tengah menjatuhkan hukuman mati terhadap Taufik kerana didapati bersalah cuba meletupkan sebuah bas mini di tingkat bawah tanah kompleks beli-belah Plaza Atrium di Jakarta 1 Ogos tahun lalu.

Bas berkenaan adalah milik sekumpulan penganut Kristian yang sedang mengadakan upacara sembahyang di sebuah hotel di pekarangan plaza itu.

Dalam percubaan itu, sebutir bom buatan sendiri meletup lebih awal daripada masa yang dijadualkan dan memusnahkan beberapa kereta di tempat meletak kenderaan plaza berkenaan.

Letupan itu juga mencederakan Taufik menyebabkan kaki kanannya dipotong

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Singapura mungkin menyertai Malaysia, Indonesia dan Filipina dalam pertukaran maklumat bagi membendung jenayah dan keganasan rentas sempadan.

Semalam, Malaysia, Indonesia dan Filipina menandatangani perjanjian untuk meningkatkan lagi kerjasama memerangi jenayah dan keganasan rentas sempadan termasuk pencerobohan pendatang asing.

Perjanjian kerjasama itu juga merangkumi pertukaran maklumat dan prosedur komunikasi bagi membendung kegiatan pembersihan wang haram, penyeludupan wanita dan kanak-kanak serta dadah, lanun dan kecurian sumber laut serta pencemaran laut.

Majlis itu turut disaksikan Dr Mahathir dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, yang tiba di sini untuk lawatan sehari bagi menghadiri Mesyuarat Agung Antarabangsa Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik ke-35 (PBEC).

Ditanya kebimbangan mengenai kemungkinan kerajaan Filipina menekan dan menindas masyarakat Islam di Selatan Filipina atas alasan untuk memerangi keganasan, Dr Mahathir berkata, beliau berbincang dengan Arroyo semalam mengenai nasib umat Islam di sana.

"Saya bercakap dengan Presiden Arroyo, beliau amat berminat untuk mengadakan kerjasama dengan MILF (Barisan Pembebasan Islam Moro) tetapi kita tahu juga di Selatan Filipina, orang Islam di sana tak bersatu hati.

"Kalau satu pihak nak ada kedamaian, satu pihak lagi akan usaha supaya tak tercapai kedamaian itu. Yang ini yang dia (Arroyo) khuatir," katanya.

(END)